



SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM LONDON, UNITED KINGDOM

PANDUAN BAGI PENUNTUT KEHILANGAN

- (A) **BIOMETRIC RESIDENT PERMIT (BRP) BAGI PELAJAR YANG MENUNTUT DI UNITED KINGDOM DAN**
- (B) **GARDA NATIONAL IMMIGRATION BUREAU (GNIB) BAGI PELAJAR YANG MENUNTUT DI REPUBLIK IRELAND**

SEMASA BERADA DI LUAR UNITED KINGDOM ATAU REPUBLIK IRELAND

Jika terjadi kehilangan *Biometric Resident Permit (BRP)* atau *Garda National Immigration Bureau (GNIB)*, berikut adalah panduan yang boleh penuntut lakukan semasa berada di luar United Kingdom atau Republik Ireland:

1. Membuat Laporan di Balai Polis setempat yang berhampiran

Ini adalah perkara paling utama untuk dilakukan. Pastikan jangan bertanggung untuk berurusan kebalai polis tempatan untuk membuat laporan. Selepas membuat laporan, dapatkan salinan laporan polis dan simpan sebaiknya untuk membuat urusan lanjut di Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang berhampiran.

2. Berhubung dengan Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang terdekat:

- (a) Selepas membuat **laporan polis**, sebaiknya terus berurusan atau menghubungi Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang terdekat.
- (b) Dalam hubungan ini, **pihak Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam** setempat atau yang terdekat akan mendapatkan maklumat atau jika perlu untuk menemuduga penuntut sebelum dapat memberi bantuan yang diperlukan. Setelah itu, pihak Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam akan mengeluarkan surat rasmi untuk ditunjukkan kepada pegawai Imigresen (jika diperlukan).
- (c) Pada masa yang sama, penuntut juga dinasihatkan untuk memaklumkan kehilangan kepada pihak **Universiti melalui International Office / Unit** (melalui email) untuk memaklumkan kejadian kehilangan BRP/GNIB berkenaan.
- (d) Setelah itu penuntut perlu membatalkan / memaklumkan **secara online tentang kehilangan BRP melalui laman sesawang www.gov.uk (Report a lost or stolen BRP). Manakala bagi kehilangan GNIB sila <http://www.inis.gov.ie/en/INIS/Pages/about-registration-system>**

3. Senarai semak bagi mendapatkan bantuan (surat pelepasan) yang berkaitan dengan kehilangan BRP atau GNIB daripada pihak Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam ketika berada diluar United Kingdom atau Republik Ireland:

- (a) Menghadapkan salinan laporan polis (bagi kehilangan BRP / GNIB);
- (b) Menghadapkan salinan paspot kebangsaan / salinan kad pintar *BRP / GNIB*;
- (c) Menghadapkan salinan surat kemasukan Tempat Pengajian / Universiti;
- (d) menghadapkan salinan UPP kad berdaftar dengan pihak Unit Penuntut-penuntut.